

Headline	Mahasiswa negara Asia bersihkan pantai Pulau Carey		
MediaTitle	Kosmo		
Date	13 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Kosmo 2	Circulation	155,996
Page No	28	Readership	467,988
Language	Malay	ArticleSize	1386 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 35,969
Frequency	Daily	PR Value	RM 107,907



**28** **INFINITI**  
NOVA3 • SANG • GALET

**MAHASISWA** diberi penerangan mengenai tumbuhan di sekitar FRIM, Kepong.

**PESERTA** turut diberi peluang memukul pakatan tradisional masyarakat Orang Asli Mah Meri.

**PARA** peserta bergambar kenangan selepas program membersihkan pantai Pulau Carey.

**PARA** peserta turut menanam pokok di pesisir pantai Pulau Carey.

**PESERTA** turut mengambil peluang menanam pokok di Pulau Carey, Kuala Langat, Selangor.

## Mahasiswa negara Asia bersihkan pantai Pulau Carey

**Y**AYASAN Alam Sekitar AIDON Jepun dengan kerjasama Pusat Komuniti dan Kelestarian Universiti Malaya (UMCares) telah mengujarkan program antarabangsa tahunan ASIAN Students Environmental Platform (ASEP) yang disertai oleh 72 orang mahasiswa dari pelbagai negara Asia.

Antara negara yang terlibat termasuklah China, Thailand, Jepun, Vietnam, Korea, Kemboja, Indonesia, Myanmar dan Malaysia.

"Sejak tahun 2012, ASEP diadakan di seluruh negara Asia sebagai platform untuk mahasiswa berinteraksi dan menimba pengalaman dari aspek pengurusan alam sekitar di negara tuan rumah.

"Pada kali ini, Malaysia terpilih sebagai tuan rumah dan para peserta telah dibawa ke pelbagai lokasi menarik yang mempunyai nilai pembelajaran unik," kata Pensyarah Kanan Jabatan Kejuruteraan Kimia, Universiti Malaya (UM) yang juga merupakan penyelar program, Dr. Fathiah Mohamed Zuki.

Salah satu aktiviti yang dirancang sempena ASEP pada kali ini ialah pembersihan kawasan pesisiran pantai Pulau Carey, Kuala Langat yang terletak tidak jauh dari

Pelabuhan Klang, Selangor.

"Mengambil peluang semasa air surut, para peserta telah meluahkan masa mengutip pelbagai jenis sampah yang dihayutkan ombak dan aliran sungai seperti tayar kenderaan, botol plastik, bekas dan pembalut makanan.

**Ingasan**

"Menariknya, mereka turut mengesahkan sampah yang dikutip kepada tiga kategori iaitu bahan plastik, kaca dan bahan bukan kitar semula," terangnya.

Tumbuh Fathiah, tugasan mengutip dan mengasing sampah ini diharapkan dapat memupuk sikap kerjasama di dalam diri setiap peserta.

Mengulas mengenai objektif ASEP, Fathiah berkata, salah satu matlamat program tersebut ialah untuk mengasah bakat kepimpinan pelajar sebagai pencinta alam sebaik sahaja mereka pulang ke negara masing-masing.

"Secara tidak langsung ASEP kali ini telah mengeringkan pelbagai isu hutan hujan tropika kepada para peserta.

"Kesedaran yang betul mengenai peranan yang boleh dimainkan oleh setiap masyarakat akan membolehkan kita untuk memulakan langkah awal dalam memastikan kelestarian alam sekitar untuk dinikmati oleh generasi akan datang."

**Orang Asli**

Program ASEP yang berlangsung selama empat hari itu turut merangkumi aktiviti-aktiviti lain seperti menyantuni warisan budaya Orang Asli Mah Meri di Pulau Carey, mendalami pengurusan hutan simpan di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Kepong dan usaha konservasi hutan paya bakau oleh penduduk tempatan di Taman Rekreasi Paya Bakau, Kampung

Sijangang, Kuala Langat, Selangor.

Peserta turut dibawa melihat hasil penyediaan tempatan di Rimba Ilmu, UM dan kawasan Taman Wetland, Putrajaya.

Sementara itu, salah seorang peserta ASEP Farhana Adila Isahak, 22, mengakui program tersebut memberinya pengalaman bermakna untuk lebih peka mengenai lin-su alam sekitar dan bersama-sama menabur bakti untuk kelestarian alam.

"Setiap malam kami akan berbincang untuk mencari idea inovatif dan kreatif bagi menyelamatkan bumi.

"Sesiapa sahaja boleh membantu menyelamatkan bumi dengan hanya langkah kecil seperti mengasingkan barangan sebelum dibuang kerana ia memberi impak yang besar jika dijadikan amalan semus orang," tutur pelajar tahun tiga Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang daripada UM.

Akuihya, dia sangat seronok mengikuti program ASEP kerana dapat belajar sesuatu yang baharu dengan para peserta yang datang daripada pelbagai latar budaya.

Tambah Farhana Adila, walaupun kita sekarang berada di era kemajuan tetapi ia tidak membawa erti apa-apa jika bumi ini tercemar dan musnah sehingga manusia hilang tempat tinggal yang selamat.

**PARA** pelajar juga berpeluang mendalami pengurusan hutan simpan di FRIM, Kepong.

**PESERTA** teruja diberi peluang mempelajari seni kraf Langkat Orang Asli Mah Meri.

**RONA alam**

**PARA** peserta mengutip pelbagai jenis sampah yang dihayutkan ombak dan aliran sungai.

**SAMPAH** seperti tayar, botol, pembalut makanan dan pembalut rambut yang diasingkan mengikut kategori masing-masing.

**PARA** peserta bergambar kenangan selepas program membersihkan pantai Pulau Carey.

**PARA** peserta turut menanam pokok di pesisir pantai Pulau Carey.